



GARIS PANDUAN PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN KESIHATAN

1. Pintu masuk Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan hendaklah diliputi cermin telus bagi satu per empat ($\frac{1}{4}$) daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan tempat-tempat di dalam Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan yang digunakan untuk apa-apa urutan atau rawatan bagi memelihara mana-mana bahagian badan dan muka.
3. Pemegang lesen hanya dibenarkan memasang langsir seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut dan merawat dan langsir tidak boleh melebihi 2 meter tinggi dari lantai (urut badan).
4. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian kemas, bersih dan tidak menjolok mata.
5. Semua pekerja yang memberi rawatan urutan perlu mempunyai sijil kesihatan dan menjalani pemeriksaan kesihatan 6 bulan sekali.
6. Satu buku daftar yang mengandungi nama, no. kad pengenalan, alamat kediaman, gambar, dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan untuk tujuan pemeriksaan.
7. Premis dibenarkan beroperasi sehingga pukul 1.00 pagi sahaja.
8. Menyediakan notis / papan tanda berhubung :
 - i. Dilarang Merokok
 - ii. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah dilarang masuk
 - iii. Waktu Operasi
9. Pekerja asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah tidak dibenarkan bekerja di rumah urut.
10. Premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.
11. Setiap bilik tidak dibenarkan mempunyai daun pintu / tidak berkunci.
12. Setiap bilik tidak boleh dilengkapi dengan bilik air.
13. Sistem pengudaraan & pencahayaan yang mencukupi.
14. Mempunyai kemudahan tandas yang mencukupi.
15. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
16. Menyediakan buku laporan pemeriksaan untuk disemak oleh pihak MPKj.



17. Mengumpul rambut pelanggan yang telah digunting dan dimasukkan ke dalam karung plastik atau yang seumpamanya.
18. Mensucihamakan (*Sterlization*) semua peralatan yang digunakan samada secara gelombang mikro (*Mikrowave*) dan lain-lain dengan bahan kimia (*Dettol* / *Lysol*).
19. Menyediakan tuala yang secukupnya untuk pelanggan. Penggunaan semula tuala yang tidak / belum dicuci adalah dilarang sama sekali.
20. Semua pekerja hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setiap tahun.
21. Pekerja hendaklah mencuci tangan setiap kali sebelum dan selepas kerja mengunting dan mendandan.
22. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj.
23. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
24. Menyediakan kotak '*First Aid*' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
25. Mempamerkan / mengibarkan bendera negeri / kebangsaan di premis perniagaan.
26. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
27. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
28. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna (MGB 240 Liter / MGB 660 Liter) bagi premis perniagaan